

# Program jalinan dinilai agar beri impak tinggi

**PAGOH 20 Mei** - Kementerian Pendidikan mahu menilai setiap program jalinan atau libat sama komuniti supaya dapat memberi impak dan mempunyai nilai keberhasilan yang tinggi dalam mentransformasikan komuniti.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, penilaian perlu dibuat ke atas program jalinan tersebut.

“Selain itu, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) juga menjadi pusat sehenti untuk menyalurkan maklumat berkaitan dengan kerjasama agensi kerajaan yang lain menggunakan infrastruktur dan kemudahan universiti,” katanya semasa melancarkan UCTC Pagoh di Kampus Sementara Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Dr. Ir. Zaini Ujang; Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Tan Sri Sahol Hamid Abu Bakar dan Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata, semua universiti awam perlu mewujudkan UCTC berdasarkan bidang kepakaran masing-masing untuk dimanfaatkan komuniti setempat.

Beliau berkata, kewujudan UCTC memerlukan lima inisiatif untuk mencapai matlamatnya iaitu membantu fakulti menyediakan bidang praktikal dalam program atau kursus-kursus universiti.

“Kedua melibatkan fakulti dan penuntut dalam aktiviti transformasi di bandar dan luar bandar dan ketiga membolehkan komuniti tempatan mengakses kursus universiti dan kemudahan yang tidak digunakan sepenuhnya.

“Keempat ialah melibatkan pakar-pakar yang berkelayakan untuk mengajar kursus-kursus jangka pendek dan akhir sekali menggunakan infrastruktur intelektual dan fizikal untuk menggalakkan aktiviti keusahawanan,” katanya.

Pada masa sama, Timbalan Perdana Menteri meminta pihak universiti turut menggerakkan sumber intelektual dan infra-



**Selain itu, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) juga menjadi pusat sehenti untuk menyalurkan maklumat berkaitan dengan kerjasama agensi kerajaan yang lain menggunakan infrastruktur dan kemudahan universiti.”**

**MUHYIDDIN YASSIN  
Timbalan Perdana Menteri**

struktur fizikal agar matlamat UCTC merakyatkan ilmu dan mengoptimum prasarananya dikongsikan, sekali gus mentransformasikan masyarakat setempat.

Katanya, pendekatan yang digunakan, iaitu Strategi Lautan Biru akan mengoptimumkan kewujudkan universiti awam dan prasarananya dalam pembangunan komuniti yang inovatif.

“Ini dapat dilakukan dengan menghubungkan tenaga akademik dan mahasiswa dalam komuniti dengan konteks mewujudkan kursus-kursus praktikal yang boleh menangani persoalan setempat dan mempromosikan keusahawanan,” katanya.

Konsep UCTC juga membentarkan penggunaan prasarana universiti oleh komuniti dan penyelidikan pembelajaran sepanjang hayat dan akan menjadikan program tersebut lebih tersusun, kukuh dan memberi impak besar.

Beliau berharap pemimpin masyarakat dapat menyebarluaskan informasi berkaitan UCTC di kawasan masing-masing dan sekiranya UCTC mendapat sambutan yang amat baik, pihak kementerian akan berusaha untuk memperkasakan lagi fungsi, pengisian dan peranannya.